

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN, ANGKATAN KOPERASI
KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
(ANGKASA)**

**PROGRAM KESEJAHTERAAN AI SEE LIFE
DAN JALINAN KORPORAT**

**TARIKH: 23 Jun 2026 (Selasa) | MASA: 3.00
Petang**

**TEMPAT: Hyatt Regency Kuala Lumpur
Midtown**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, dan Salam Koperasi.

[MUKADDIMAH & SALUTASI]

Yang Dihormati Barisan Lembaga Pengarah
Koperasi Perdagangan dan Perindustrian Malaysia
Berhad (KPPMB),

Rakan-rakan Strategik daripada ASEAN Co-operative Organization (ACO) dan ANGKASA yang hadir pada petang ini.

Para Pemimpin Gerakan Koperasi, para usahawan, serta hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama pada petang ini bagi menjayakan Program Kesejahteraan AI See Life dan Jalinan Korporat pada petang ini.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak KPPMB serta semua yang terlibat atas usaha murni menganjurkan program yang sangat relevan dan tepat pada masanya ini.

[REALITI DAN STATISTIK GERAKAN KOPERASI NEGARA]

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Apabila kita berbicara mengenai gerakan koperasi di Malaysia, kita sebenarnya sedang melihat kepada satu kekuatan ekonomi komuniti yang amat besar.

4. Berdasarkan statistik semasa, negara kita kini mempunyai lebih daripada 16,284 buah koperasi yang berdaftar, dengan kekuatan keanggotaan individu mencecah 7.2 juta orang dari seluruh pelosok negara.

5. Ini bermakna, hampir satu perempat daripada rakyat Malaysia adalah sebahagian daripada keluarga besar gerakan koperasi.

6. Namun, dalam kita mendepani realiti landskap ekonomi moden, saiz keanggotaan sahaja tidak lagi mencukupi.

7. Cabaran sebenar hari ini adalah bagaimana kita memastikan setiap koperasi dan anggotanya kekal sihat, produktif, dan mempunyai daya saing yang tinggi.

8. Kecemerlangan sesebuah koperasi bukan sahaja diukur pada penyata kewangannya, tetapi juga pada kesejahteraan modal insan yang menggerakkannya.

9. Individu yang sihat akan melahirkan tenaga kerja koperasi yang dinamik.

10. Tenaga kerja yang dinamik ini akan menentukan tahap kebolehpasaran produk dan perkhidmatan koperasi, serta kesiapsiagaan koperasi itu sendiri untuk bersaing di peringkat domestik dan di peringkat global.

[MENEROKA REVOLUSI TEKNOLOGI: KESEJAHTERAAN DENGAN SOKONGAN AI]

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

11. Di sinilah keunikan program kita pada hari ini, di mana kita membawakan konsep "AI See Life"; satu inisiatif yang menggabungkan elemen kesihatan, kesejahteraan, dan integrasi teknologi kecerdasan buatan (AI).

12. Kita sedia maklum bahawa AI sedang mengubah cara kerja dalam pelbagai sektor korporat, dan ianya telah berjaya meningkatkan tahap kecekapan kerja secara signifikan.

13. Industri perubatan dan penjagaan kesihatan juga turut mendapat manfaat yang positif kesan daripada penggunaan AI yang meluas.

14. Hari ini kita dapat melihat bagaimana inovasi AI ini dapat diaplikasikan secara praktikal bagi menjaga dan memantau tahap kesihatan kita secara harian.

15. Melalui pendekatan teknologi yang tepat, saringan dan pemantauan kesihatan boleh dilakukan dengan lebih pantas, tepat, dan holistik.

16. Sebagai langkah awal yang sangat praktikal, program hari ini menyediakan pelbagai keistimewaan eksklusif yang seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh kesemua yang hadir pada hari ini.

17. Untuk program hari ini, tuan-tuan dan puan-puan berpeluang untuk mengikuti saringan kesihatan dan pemeriksaan percuma, sesi rawatan kesejahteraan percuma, serta mengikuti perkongsian strategik mengenai bagaimana inovasi AI membentuk masa depan pengurusan kesihatan kita.

18. Saya amat menggalakkan setiap kooperator yang hadir untuk mengambil peluang keemasan ini demi kebaikan diri masing-masing.

19. Koperasi yang berprestasi tinggi memerlukan tahap kesihatan tuan-tuan dan puan-puan juga pada tahap yang tertinggi.

20. Hari ini AI dapat memudahkan kita untuk memantau kesihatan kita secara berkala dengan pelbagai maklumat kesihatan yang komprehensif di hujung jari kita.

[MEMPERKUKUH JALINAN KORPORAT & KERJASAMA STRATEGIK]

21. Selain daripada fokus terhadap aspek kesejahteraan diri, program ini turut bertindak sebagai platform Jalinan Korporat yang amat penting.

22. Saya amat gembira melihat pengisian program yang menekankan kepada Sesi Jaringan Bersama Pemimpin Industri serta Penerokaan Potensi Kerjasama Korporat bersama komuniti setempat.

23. Kehadiran rakan-rakan strategik kita daripada pelbagai sektor dan latar belakang pada hari ini

telah membuka ruang seluas-luasnya untuk kita membina rangkaian perniagaan baharu.

24. Saya ingin menyeru kepada semua kooperator, usahawan, dan wakil badan korporat yang hadir pada hari ini:

25. Gunakanlah peluang ini dengan sebaik mungkin. Jangan sekadar menjadi pemerhati.

26. Berinteraksilah, bertukar-tukar pandangan, dan terokailah peluang kolaborasi lintas-sektor yang ada.

27. Keupayaan koperasi untuk bersaing di pasaran terbuka sangat bergantung kepada sejauh mana kita mampu membina rantai nilai dan jaringan strategik dengan dunia korporat.

28. Manfaat kolaborasi ini akhirnya akan kembali menguntungkan koperasi masing-masing melalui peluang-peluang perniagaan baharu.

[PENUTUP]

29. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin menegaskan semula bahawa inisiatif seperti ini adalah manifestasi jelas kepada usaha kita

untuk Memperkasa Koperas di peringkat nasional dan juga di peringkat antarabangsa, terutamanya di rantau ASEAN.

30. Program pemeriksaan ini hanya akan berjaya jika kita semua mempunyai kudrat untuk merealisasikan.

31. Sekali lagi, tahniah kepada Koperasi Perdagangan dan Perindustrian Malaysia Berhad (KPPMB) atas penganjuran program yang penuh impak ini.

32. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Kesejahteraan Al See Life dan Jalinan Korporat pada petang ini.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

--- TAMAT ---